

27/04/2000

Inti labur RM2b di Aceh Tengah

Minarni Mat Saad

INDUSTRIAL Networks Technology International (Inti) Sdn Bhd, konsortium Bumiputera yang berdaftar di Malaysia bakal menerokai peluang pelaburan bernilai lebih RM2 bilion di kawasan seluas 40,000 hektar di Aceh Tengah dalam bidang pertanian dan pelancongan.

Pengerusi Eksekutif Inti, Dr Ibrahim Dol Ghaffar, berkata syarikatnya berminat melabur di Aceh kerana keadaan di negeri itu yang masih belum maju memudahkan pembangunan dilaksanakan.

Menurutnya, Inti sudah mendapatkan persetujuan daripada kerajaan kedua-dua negara untuk membangunkan projek pertanian dan pelancongan di Aceh serta sudah mengenal pasti lokasi strategik untuk tujuan itu.

Beliau berkata, langkah menjalankan kegiatan pelaburan di situ berikutan persetujuan bersama Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Presiden Indonesia, Abdulrrahman Wahid (Gus dur) pada pertemuan di Jakarta pada 9 dan 10 Mac lalu.

Dr Ibrahim berkata, dalam sektor pertanian tumpuan diberikan kepada penanaman kelapa sawit dan ubi kentang berikutan iklim yang sesuai untuk dua jenis tanaman itu.

"Inti juga akan membina kilang kelapa sawit untuk tujuan memproses hasil kelapa sawit milik syarikat di samping membeli kelapa sawit daripada pekebun kelapa kecil.

"Dalam pada itu, kita akan mengusahakan industri hiliran daripada hasil kelapa sawit selain menanam pelbagai tanaman sampingan," katanya pada sidang akhbar di Hotel Goldcourse di Klang, semalam.

Dr Ibrahim berkata, Inti turut berminat menjalankan projek penanaman ubi kentang yang amat berpotensi untuk diperluaskan di Aceh kerana kini pekebun menanamnya secara kecil-kecilan dan tidak tersusun.

"Sekarang petani menanam secara manual dengan keluasan yang terhad manakala eksport ubi kentang mentah dari Aceh ke Medan dilakukan tanpa sistem pembungkusan sempurna menyebabkan banyak hasil rosak apabila tiba ke destinasi," katanya.

Katanya, projek lain yang bakal diusahakan Inti secara berperingkat ialah tanaman pokok pine, sayur-sayuran dan bunga, tebu serta membina kilang tebu di Bla Mancung, iaitu kawasan yang mempunyai potensi besar untuk tanaman itu bagi tujuan menghasilkan gula mentah untuk eksport.

Menurutnya, usaha menerokai peluang pelaburan di Aceh dibuat sejak tiga tahun lalu dan menjadi kenyataan selepas semua pihak terbabit dalam projek itu menandatangani perjanjian.

Katanya, Inti menandatangani perjanjian usaha sama dengan sebuah syarikat tempatan, Badan Usaha Milik Daerah (BUMD) yang memastikan aspek undang-undang dan tanah di Aceh berjalan lancar manakala Inti menyediakan kepakaran, modal dan tenaga.

"Buat permulaan kerja pembersihan tanah di kawasan 5,000 hektar bagi projek penanaman kelapa sawit sedang berjalan," katanya.

Mengenai projek pelancongan di Aceh, beliau berkata, Inti ditawarkan untuk mengusahakan dua kawasan pelancongan di Takengon dan di kawasan peranginan setinggi kira-kira 1,500 metar di Puncak Jabal Mahdur yang dahulunya dikenali sebagai Pantai Terong.

"Nama Jabal Mahdur adalah nama baru yang dirasmikan Pegawai Daerah Aceh Tengah, Dr H Mustafa M Tamy bersempena nama dua pemimpin negara iaitu Dr Mahathir dan Gusdur," katanya.

Menurut beliau, projek pelancongan yang dirancang mengambil konsep

peranginan tanah tinggi seperti di Genting Highlands tetapi lebih mementingkan kedamaian alam sekitar serta mengekalkan suasana Islam sesuai dengan kedudukan Aceh yang terkenal dengan gelaran Serambi Mekah suatu ketika dahulu.

Katanya, projek pembangunan Aceh Tengah itu juga akan membawa kepada pembinaan sebuah perkampungan Islam antarabangsa, menubuhkan bank Islam, memperkenalkan sistem pengurusan zakat moden, membina hospital pakar, menubuhkan Amanah Saham Aceh dan mewujudkan Tabungan Haji.

"Pada dasarnya semua projek mendapat kerjasama dan sokongan penuh daripada pemerintah Aceh, termasuk memberikan kelulusan tanah," katanya.

Menurutnya, Inti menubuhkan anak syarikat iaitu Bidara Emas bagi mempercepatkan pembangunan pertanian dan aspek lain yang dirancang.

Katanya, Inti sudah membuka pejabat di Timeruang Takengon di Aceh bagi mengendalikan operasi syarikat di sana.

(END)